

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PERUTUSAN HARI KEBANGSAAN TAHUN 1990

TEMPAT: RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

TARIKH: 30 AUG 1990

MASA:

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam bahagia.

Kita merasa bangga menyambut ulangtahun yang ke-33 kemerdekaan negara kita Malaysia. Dengan perasaan penuh kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala, kita menyambut hari kemerdekaan ini dalam keadaan aman dan makmur.

2. Negara kita genap 33 tahun merdeka dan penduduk Malaysia seramai 17 juta orang terdiri daripada dua-per-tiga yang dilahirkan selepas negara dibebaskan daripada penjajahan. Hanya sebahagian penduduk negara ini yang masih boleh membezakan di antara hidup dijajah dengan hidup selepas merdeka. Sekiranya perayaan Hari Kebangsaan tidak diberi penghargaan yang sewajarnya, mungkin kita akan lupa mengenai pahit maung penjajahan, perjuangan kemerdekaan dan kebahagiaan hidup sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pada Hari Kebangsaan ini, kita harus merenung akan sejarah kita dan kita mengenang dan menghargai mereka yang berjuang untuk membebaskan negara kita daripada belenggu penjajahan. Kenangan dan penghargaan ini bukanlah sahaja kepada mereka yang terlibat secara langsung merundingkan kemerdekaan, tetapi juga kepada mereka seperti Dato Sagor, Dato Bahaman, Mat Kilau dan lain-lain lagi.

3. Kemerdekaan sahaja tidak bermakna jika selepas merdeka negara tidak mencapai kemajuan. Sebab itulah setelah mencapai kemerdekaan Kerajaan Malaysia yang merdeka telah berusaha membangunkan negara. Usaha ini telah membawa hasil di luar jangkaan. Daripada sebuah tanah jajahan yang mundur, Malaysia sekarang muncul sebagai salah satu daripada negara yang termaju antara negara-negara membangun. Kemungkinan Malaysia menjadi lebih maju dan rakyat Malaysia hidup lebih selesa dan lebih bahagia bukan lagi satu perkara yang mustahil.

4. Namun masih ada yang tidak yakin akan kemampuan kita mencapai matlamat yang ditujukan, walaupun kita telah berjaya dengan cemerlang melaksanakan projek-projek pembangunan negara. Walaupun Malaysia masih lagi sebuah negara membangun, kemudahan infrastrukturnya hampir setanding dengan negara-negara maju. Jalanraya, bekalan air dan elektrik, hospital dan klinik, sekolah, kemudahan telekomunikasi, sistem pengangkutan dan lain-lain

infrastruktur mendahului kebanyakan negara-negara membangun. Dasar perindustrian negara berjaya dengan jelasnya. Jika dahulu pelaburan berjumlah berpuluh juta ringgit setahun, hari ini dalam setengah tahun pertama 1990 cadangan pelaburan berjumlah 23 ribu juta ringgit. Kilang-kilang terdapat di seluruh negara dan dengannya peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Industri berat dan industri pelancongan mencatat kejayaan dan pertumbuhan yang tinggi. Justeru itu, jika kita kata bahawa kita akan pesatkan lagi pembangunan dan kemajuan Malaysia, kemungkinan kita dapat berbuat demikian adalah besar.

5. Di samping itu, Kerajaan juga telah dapat mengurangkan kemiskinan dan rakyat di kawasan-kawasan luar bandar telah menikmati taraf hidup yang lebih baik. Mereka yang dahulunya tidak mendapat apa-apa kemudahan, kini telah menikmati apa yang dahulu hanya dinikmati oleh penduduk-penduduk bandar, iaitu bekalan air paip, elektrik, klinik, sekolah, perumahan, jalan-jalan dan lain-lain kemudahan.

6. Taraf pendidikan negara juga telah meningkat. Hari ini kita mempunyai tujuh buah universiti dan beberapa buah institusi pelajaran tinggi yang lain. Sekolah-sekolah menengah terdapat bukan sahaja di bandar-bandar, tetapi juga di kawasan-kawasan luar bandar. Taraf kesihatan telah dapat dipertingkatkan dan rakyat menikmati kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang lebih baik dan moden.

7. Kejayaan negara Malaysia yang merdeka adalah kerana beberapa faktor. Malaysia berjaya oleh kerana kita mengamalkan demokrasi, oleh kerana keamanan dan keharmonian antara kaum, oleh kerana pentadbiran yang cekap dan berkesan, oleh kerana kesanggupan rakyat menyertai polis dan tentera untuk mempertahankan negara, oleh kerana kerajinan dan disiplin para pekerja dan lain-lain lagi. Mungkin faktor-faktor ini berinteraksi secara spontan dan bebas, tetapi pada kebiasaannya ini jarang berlaku. Untuk menentukan faktor-faktor ini membawa hasil yang baik, sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab dan cekap adalah perlu, dan keperluan ini jelas telah dipenuhi di Malaysia. Dengan dirancang dan dikordinasikan oleh Kerajaan, insya-Allah Malaysia akan terus mencapai kejayaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

8. Tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini -- Berjaya -- mengiktirafkan kejayaan yang telah kita capai, dan yang lebih penting lagi, hasrat kita untuk terus berjaya. Kejayaan tidak datang dengan sendirinya. Ia tidak datang bergolek. Kejayaan perlu diusahakan dengan tekun dan disiplin.

9. Justeru itu, kita perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh lagi untuk memberi makna kepada kemerdekaan negara dan kepada diri kita sendiri. Jika dibandingkan dengan negara-negara maju, kita masih menghadapi beberapa kekurangan. Know-how atau pengetahuan kita untuk membuat sesuatu atau menguruskan sesuatu masih berkurangan.

Pengetahuan kita mengenai teknologi tinggi dan cara-cara menggunakannya juga masih rendah. Etika kerja kita masih boleh diperbaiki. Demikian juga daya pengeluaran kita.

10. Dalam hubungan ini, setiap anggota masyarakat daripada pemimpin-pemimpin Kerajaan, ketua-ketua eksekutif sektor swasta, kakitangan-kakitangan Kerajaan, para peniaga, para pekerja serta rakyat keseluruhannya haruslah menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing berpandukan sifat-sifat amanah dan tanggungjawab yang tinggi. Adalah penting pemimpin-pemimpin di dalam apa juga organisasi menunjukkan teladan yang baik kepada kakitangan-kakitangan yang lain. Begitu juga generasi muda haruslah dipupuk dengan semangat dan nilai-nilai yang meletakkan sikap amanah dan bertanggungjawab di tahap yang tertinggi sekali di dalam kehidupan dan tindakan mereka.

11. Sejarah telah membuktikan banyak negara dan masyarakat yang maju akhirnya menjadi mundur dan tidak stabil disebabkan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Apabila rasuah begitu berleluasa, pentadbiran dan masyarakat akan tergugat. Apabila gejala ini berlaku, setiap usaha untuk membangunkan negara tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna, menyebabkan pentadbiran menjadi lemah, ekonomi merosot dan rakyat menderita. Kita seharusnya belajar daripada sejarah dan pengalaman-pengalaman ini supaya kita tidak mengalami nasib yang sama.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sesuai dengan tema Hari Kebangsaan tahun ini, kita hendaklah berusaha supaya apa juga yang kita lakukan akan berjaya. Kita mestilah sanggup bekerja dengan lebih berdisiplin dan lebih kuat lagi untuk meningkatkan produktiviti negara supaya ekonomi kita bertambah kukuh. Kita juga mestilah mempunyai keyakinan terhadap kemampuan kita mengatasi cabaran masa depan.

13. Negara kita Malaysia aman. Kerana negara kita aman, kita dapat membangun dan menjadi makmur. Justeru itu, amatlah penting rakyat Malaysia menolak sebarang kegiatan yang boleh mengancam keamanan dan keharmonian yang terdapat di negara ini. Rakyat Malaysia hendaklah mengeneppikan perjuangan yang sempit. Sebaliknya, rakyat Malaysia hendaklah menumpukan masa dan tenaga kepada perjuangan yang lebih luas, iaitu perjuangan untuk memajukan lagi negara kita. Hanya apabila negara mencapai kemajuan sahaja, baharulah kita akan mendapat bahagian yang bermakna bagi diri kita. Jika keamanan dan pembangunan tidak wujud, tidak ada apa yang hendak dibahagi-bahagikan. Tidak ada gunanya kita menang sorak tetapi kalah sabung. Kerajaan menerima falsafah ini. Untuk kejayaan kita bersama, semua rakyat Malaysia hendaklah mempunyai falsafah yang sama. Berjaya Malaysia bererti berbahagialah rakyatnya. Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

